

**KOMPOSISI SPESIES IKAN BAGI NELAYAN PANCING
KECIL - KECILAN DI PERSISIRAN PANTAI UTARA
TERENGGANU**

AJIRIN ADRIAN ANGKAJI

**FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU**

1998

**KOMPOSISI SPESIES IKAN BAGI NELAYAN PANCING KECIL-KECILAN
DI PERSISIRAN PANTAI UTARA TERENGGANU**

Oleh

AJIRIN ADRIAN ANGKAJI

**Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan**

**Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
1998**

1100024043

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Mohd. Zaidi Zakaria sebagai penyelia projek dan Prof. Dr. Mohd. Azmi Ambak yang telah banyak memberikan bantuan dari segi nasihat, buah fikiran, tunjuk ajar dan komen-komen membina sehinggalah tesis ini berjaya disiapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada En. Johari, teman-teman seperjuangan Azlan dan mr. Joe yang banyak membantu didalam kerja-kerja persampelan sama ada di lokasi ataupun di makmal sehingga tesis ini berjaya disiapkan dengan lancar tanpa masalah yang serius.

Kepada keluarga tercinta di kampung halaman terutama sekali kedua ibubapa saya iaitu Pn. Rindau Bansanan dan Mr. Angkaji Lambang yang telah banyak membantu dari segi dorongan, sokongan moral, kewangan dan kesemua bentuk pertolongan yang diminta, diucapkan berbilang-banyak terima kasih dan jasa kalian akan tetap dalam ingatan dan sentiasa dikenang. Tidak lupa juga kepada semua ahli keluarga yang lain terutama sekali kepada kedua-dua nenek yang tercinta di kampung iaitu Odu Soriah dan Odu Supian, kakak saya iaitu Ruspian, adik-adik saya iaitu Mr. Ejoh, Tyah, Didi dan Lfred serta Uncle Allan, Edip, Yalim, auntie Doris, Yumpok, Juri, Quintin dan Nuriah Bansanan. Tanpa sokongan dan dorongan dari anda semua tidak mungkin saya akan mencapai kejayaan sehingga ke peringkat ini. Oleh itu sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih yang tidak terhingga kepada anda semua dan segala jasa kalian akan tetap dalam ingatan dikenang sampai bila-bila.

Sekian

Ajirin Adrian Angkaji 1998

ABSTRAK

Kajian terhadap komposisi spesies, taburan saiz dan komposisi jantina telah dijalankan selama 3 bulan iaitu sepanjang pra-monsoon bulan Ogos, September dan Oktober di persisiran pantai Utara Terengganu iaitu di Mengabang Telipot, Merang dan Penarik. Kajian ini adalah berdasarkan kepada jumlah hasil tangkapan nelayan pancing per hari menggunakan pancing 5 hingga 8 mata dan pengambilan sampel di setiap lokasi dilakukan sekali dalam sebulan.

Sepanjang kajian ini didapati 16 spesies ikan utama iaitu *Nemipterus peronii* 65.31%, *Nemipterus marginatus* 10.78%, *Lutjanus lutjanus* 8.62%, *Sepioteuthis lessoniana* 6.50%, *Selar crumenophthalmus* 3.57%, *Pentapodus setosus* 1.41%, *Lutjanus erythropterus* 1.25%, *Nemipterus sp.* 0.67%, *Lutjanus malabaricus* 0.61%, *Loligo (doryteuthis) sibogae* 0.61%, *Loligo edulis* 0.24%, *Epinephelus areolatus* 0.13%, *Lutjanus johnii* 0.10%, *Selaroides leptolepis* 0.07%, *Carangoides malabaricus* 0.07% and *Terapon theraps* 0.07%. *Nemipterus peronii* merupakan spesies paling dominan di Mengabang Telipot (46.00%) dan Merang (95.72%) manakala *Lutjanus lutjanus* (40.51%) di Penarik.

Purata saiz keseluruhan bagi *Nemipterus peronii* didapati meningkat setiap bulan iaitu 18.53 cm pada bulan Ogos, 19.46 cm pada bulan September, 19.96 cm pada bulan Oktober dan *Lutjanus lutjanus* 15.05 cm pada bulan Ogos, 15.99 cm pada bulan September and 16.88 cm pada bulan Oktober. Nisbah jantan dan betina diuji melalui ujian khi-kuasadua dan ujian menunjukkan bahawa jantan lebih dominan daripada betina dengan nisbah seperti berikut; *Nemipterus peronii* 3:1, *Nemipterus marginatus* 6:1 dan *Lutjanus lutjanus* 1.5:1.

ABSTRACT

A study on species composition, size distribution and sex composition was conducted in the area of inshore waters of North Terengganu located in Mengabang Telipot, Merang and Penarik for three months before North-East Monsoon, i.e., in August, September and October. The studies were based on the total catch by the fisherman per day using 5 – 8 hook and the sample was taken once a month in each locations.

A total of 16 species were caught namely *Nemipterus peronii* 65.31%, *Nemipterus marginatus* 10.78%, *Lutjanus lutjanus* 8.62%, *Sepioteuthis lessoniana* 6.50%, *Selar crumenophthalmus* 3.57%, *Pentapodus setosus* 1.41%, *Lutjanus erythropterus* 1.25%, *Nemipterus sp.* 0.67%, *Lutjanus malabaricus* 0.61%, *Loligo (doryteuthis) sibogae* 0.61%, *Loligo edulis* 0.24%, *Epinephelus areolatus* 0.13%, *Lutjanus johnii* 0.10%, *Selaroides leptolepis* 0.07%, *Carangoides malabaricus* 0.07% dan *Terapon theraps* 0.07%. *Nemipterus peronii* is a dominant species in Mengabang Telipot (46.00%) and Merang (95.72%) while *Lutjanus lutjanus* species (40.51%) in Penarik.

The average size of *Nemipterus peronii* increases monthly, that is 18.53 cm in August, 19.46 cm in September, 19.96 cm in October and for *Lutjanus lutjanus* 15.05 cm in August, 15.99 cm in September and 16.88 cm in the October. Ratio between male and female were tested using chi-square. Result shows that the male were more dominant than female by a ratio as follow; *Nemipterus peronii* 3:1, *Nemipterus marginatus* 6:1 and *Lutjanus lutjanus* 1.5:1.